

# **Hakikat Ilmu dan Tanggungjawab Ilmuan Terhadap Perkembangan Ilmu**

*Zainal Kifli Abdul Razak*

## **ABSTRAK**

Ilmu adalah penyuluh di dalam kegelapan dan penunjuk jalan ke arah kebenaran. Seseorang yang berilmu biasanya dianggap lebih mulia daripada seorang yang kurang berilmu. Oleh itu adalah penting bagi ilmuan Islam untuk memikirkan semula objektif penerokaan ilmu serta meletakkan diri di atas landasan yang betul dalam menzahirkan maksud pencarian ilmu.

**Kata kunci:** *ilmu, pengetahuan, tanggungjawab ilmuan*

## **Pendahuluan**

Seperti kata pepatah, "Tuntutlah ilmu dari dalam buaian hingga ke liang lahad", begitulah tingginya kedudukan ilmu di dalam kehidupan seorang manusia. Ilmu adalah penyuluh di dalam kegelapan dan penunjuk jalan ke arah kebenaran. Seseorang yang berilmu biasanya dianggap lebih mulia daripada seorang yang kurang berilmu. Pada zaman dimana manusia berlumba-lumba untuk mendapatkan ilmu ramai orang yang sanggup membelanjakan begitu banyak wang untuk mendapatkan ilmu. Namun begitu ilmu yang dicari itu biasanya adalah bertujuan untuk mendapatkan kekayaan yang lebih banyak. Ini berbeza dengan di zaman dahulu dimana pencarian ilmu itu dilakukan dengan maksud untuk mencari kebenaran. Perintah supaya mencari ilmu di dalam Islam juga bukan semata-mata untuk tujuan duniawi. Bahkan lebih daripada itu lagi tujuan utama menuntut ilmu menurut Islam ialah untuk kejayaan di dunia dan di akhirat. Oleh itu adalah penting bagi ilmuan Islam untuk memikirkan semula objektif penerokaan ilmu serta meletakkan diri di atas landasan yang betul dalam menzahirkan maksud pencarian ilmu.

## **Pengertian Ilmu dan Pengetahuan**

Istilah ilmu seringkali disamakan dengan pengetahuan. Namun keduanya mempunyai maksud yang berbeza. Pengetahuan adalah maklumat, sementara ilmu pula ialah tentang bagaimana maklumat-

maklumat itu dihubungkan di antara satu sama lain serta bagaimana menjelaskan perkaitan itu secara logik mengikut teori atau hukum sebab-akibat. Sebagai contohnya, katakan ada seorang yang mengetahui bahawa jarak di antara bulan dengan bumi ialah 380,000 km dan bulan mengambil masa 27.3 hari untuk membuat satu pusingan mengelilingi bumi. Jika dia tidak tahu tentang perkaitan di antara kedua-dua fakta tersebut maka dikatakan bahawa dia hanya ada pengetahuan tetapi tidak ada ilmu. Sebaliknya seorang yang mempunyai ilmu fizik akan dapat menggunakan hukum graviti untuk menjelaskan perkaitan di antara kedua-dua fakta tersebut.

## **Sumber Ilmu (Epistemologi)**

Epistemologi adalah istilah yang digunakan oleh ahli-ahli falsafah yang membawa maksud kaedah untuk mendapatkan ilmu. Ia adalah berkait rapat dengan sesuatu kepercayaan atau fahaman tentang apakah yang wujud dan apakah yang tidak wujud, apakah itu kebenaran dan apakah itu kepalsuan dan berbagai-bagai persoalan lain.

Menurut ahli-ahli falsafah Barat ilmu itu diperolehi melalui pancaindera serta pengalaman hidup yang dilalui seseorang. Pengalaman itu akan diolah berdasarkan pemikiran rasional, penghujahan serta falsafah untuk menghasilkan teori-teori atau hukum-hukum tertentu.

Dari sudut pandangan Islam pula ada dua sumber utama dari mana manusia harus mendapatkan ilmu. Pertamanya ialah ilmu yang berasaskan wahyu iaitu ilmu yang diperolehi daripada al-Quran dan hadis. Ini adalah sumber utama ilmu dan merupakan kebenaran mutlak yang wajib dipercayai. Sementara sumber kedua pula ialah apa yang dijadikan sumber utama dalam konsep ilmu menurut pandangan falsafah Barat iaitu daripada pengalaman hidup dan pancaindera. Ilmu yang diolah daripada sumber kedua ini adalah tidak wajib dipercayai dan mempunyai kebenaran bersyarat iaitu ia hanya boleh diterima jika tidak bercanggah dengan kandungan dalam al-Quran dan hadis.

Walaupun bagaimanapun ahli-ahli falsafah Barat menolak sumber ilmu yang berasaskan wahyu. Bagi mereka konsep ketuhanan adalah suatu konsep yang kabur kerana Tuhan tidak dapat dicerap oleh pancaindera. Dalam ilmu sains pula konsep Tuhan dianggap tidak saintifik. Oleh itu mereka menolak konsep Tuhan dalam pengkajian ilmu.

## **Sekularisme**

Pada zaman kebangkitan ilmu di Eropah para ilmuan menghadapi pertentangan daripada pihak gereja. Paderi-paderi Kristian mendakwa

bahawa teori-teori yang dikemukakan oleh ahli-ahli sains adalah bertentangan dengan ajaran dalam kitab Injil. Ini membawa kepada pertentangan ideologi di antara pihak gereja dengan ahli-ahli sains. Sebagai jalan keluar untuk mengelakkan daripada masalah ini berlarutan maka fahaman sekularisme telah diwujudkan. Sekularisme adalah suatu ideologi yang memisahkan ilmu daripada agama dan konsep ketuhanan. Dalam ertikata lain konsep Tuhan dan alam ghaib tidak boleh dibincangkan di dalam bidang ilmu. Pada hari ini idea sekularisme ini dikembangkan dan dipromosikan dengan begitu meluas oleh pemuka-pemuka Yahudi. Matlamat usaha mereka ini adalah untuk melemahkan dan merosakkan orang-orang Goyim (bukan Yahudi). Hal ini dinyatakan di dalam perkara 2.2 dan 2.3 dalam *The Protocols of the Elders of Zion* :

*Biarkan mereka (Goyim) dengan teori-teori (sains) itu. Kerana itulah yang sentiasa mempengaruhi mereka supaya mempercayai sepenuhnya teori-teori itu. Para intelek Goyim akan berasa bangga dengan pengetahuan mereka tanpa menentukan samada pengetahuan mereka itu betul atau tidak, dan mereka akan menggunakan pengetahuan mereka yang telah diperolehi daripada sains, yang telah disusun oleh wakil-wakil khas kita untuk membawa mereka ke arah yang kita mahu. Jangan menyangka bahawa kenyataan-kenyataan ini kosong dan tidak bermakna. Renungkanlah kejayaan yang kita usahakan untuk Darwinisme, Marxisme, Nietzscheisme. Bagi kita orang-orang Yahudi nyatalah perintah-perintah ini melemahkan serta meleburkan fikiran orang-orang Goyim.*

## **Nilai Ilmu (Aksiologi)**

Aksiologi atau nilai ilmu juga merupakan suatu aspek yang sering menjadi perbincangan di kalangan ahli-ahli falsafah. Lazimnya manusia tidak akan mengkaji sesuatu jika kajian itu tidak memberi sebarang erti kepada kehidupannya. Walaupun ada orang yang cuba meneliti atau memikirkan mengenai sesuatu perkara hanya kerana sekadar ingin tahu, namun ilmu seumpama ini biasanya kurang diberi perhatian.

Tinggi atau rendahnya nilai sesuatu ilmu itu adalah berkait rapat dengan nilai hidup yang menjadi pegangan sesuatu masyarakat. Bagi para ilmuan Barat tujuan utama mengkaji ilmu ialah untuk mendapat kesenangan dan kekayaan duniawi. Oleh itu ilmu yang berguna bagi mereka ialah ilmu yang mempunyai nilai material, iaitu yang boleh dikomersilkan.

Islam pula tidak meletakkan keutamaan ilmu pada nilai komersialnya kerana di dalam Islam tujuan utama hidup manusia ialah untuk menuju ke

akhirat, walaupun kesenangan di dunia juga tidak harus dilupakan. Oleh itu matlamat utama mencari ilmu juga adalah untuk mendekati diri kepada Allah. Dengan demikian para ulama Islam mengelaskan ilmu mengikut susunan hierarki yang berdasarkan kepada tujuannya. Ilmu yang mempunyai tingkat tertinggi ialah ilmu yang mempunyai nilai kerohanian iaitu ilmu tentang asas-asas agama yang wajib diketahui oleh setiap orang Islam. Ilmu ini juga disebut sebagai fardhu ain yang wajib dipelajari oleh semua orang. Ilmu yang mempunyai nilai material atau keduniaan seperti sains, teknologi dan ekonomi adalah merupakan fardhu kifayah yang hanya diwajibkan ke atas sesuatu masyarakat secara amnya tetapi tidak ke atas setiap individu. Sementara ilmu yang mempunyai nilai estetik seperti seni, sastera dan sukan berada pada kedudukan hierarki yang lebih rendah. Ilmu-ilmu jenis ini diharuskan untuk dipelajari sekiranya ia tidak bercanggah dengan hukum-hukum Islam.

## **Ilmuan**

Ilmuan atau intelek ialah seorang yang berilmu. Walaupun tidak ada kriteria yang jelas untuk membezakan di antara ilmuan dan "orang awam" namun secara amnya beberapa ciri ilmuan dan orang awam dapat digariskan. Seorang orang awam adalah pengguna ilmu dan dia tidak meneroka ilmu. Orang awam biasanya akan hanya menerima dan mempercayai sesuatu pernyataan ilmiah yang dinyatakan oleh ilmuan kerana dia tidak mempunyai ilmu untuk membuat analisis terhadap pernyataan itu. Walaubagaimanapun ini hanyalah bagi pernyataan ilmiah sahaja sedangkan bagi suatu pernyataan yang umum di dalam kehidupan dia masih boleh menggunakan rasional akalannya untuk menilai benar-salahnya pernyataan itu kerana sememangnya setiap manusia itu dikurniakan dengan akal yang waras. Cuma yang lazimnya diperhatikan ialah ramai orang yang tidak menggunakan akalannya dengan baik untuk berfikir, dan lantaran itu begitu mudah diperdaya atau diperbodohkan oleh orang lain. Ini bukanlah kerana kecacatan ilmu tetapi kerana tidak membudayakan berfikir di dalam hidup.

Berbeza dengan ciri seorang awam, seorang ilmuan pula ialah peneroka ilmu. Dia adalah seorang yang mahir dalam sesuatu bidang ilmu yang diterokainya. Seorang ilmuan seharusnya berfikiran kritis iaitu dia tidak menerima sesuatu yang disampaikan kepadanya secara membuta tuli sahaja. Dia berupaya untuk menganalisis sesuatu pernyataan dengan ilmu serta pemikiran yang dimilikinya. Sebenarnya bukanlah kepakaran di dalam sesuatu bidang itu yang mengangkat darjat kemuliaan seorang ilmuan tetapi kebolehan untuk berfikir itulah ciri utama yang membezakan ilmuan dengan orang awam. Walaupun begitu tidak kurang juga orang-orang yang dianggap sebagai ilmuan tetapi tidak mampu untuk menggunakan pemikirannya

dengan baik, lantas menerima sesuatu secara membuta tuli sahaja. Ini bukanlah ciri ilmuan sejati. Walaupun mempunyai kelulusan yang tinggi tetapi mereka sebenarnya terkongkong di dalam kepompong ilmu yang terpencil itu sahaja. Bagi ilmuan jenis ini ilmu itu hanyalah berguna dari segi praktikalnya sahaja iaitu sebagai alat untuk membuat kerja, bukanlah alat untuk berfikir.

Oleh itu berfikir secara kritis itu adalah sikap yang perlu ada pada setiap ilmuan. Ilmu bukanlah suatu perkara yang harus diterima secara pasif, tetapi sebaliknya proses mendalami ilmu itu perlu berlaku secara kritikal dimana seorang pengkaji ilmu haruslah berupaya untuk mengemukakan hujah mengapa sesuatu idea itu harus diterima atau ditolak. Dalam hal ini seorang sarjana Islam, Ibnu al-Haitham ada mengatakan:

*Whosoever seeks the truth will not proceed by studying the writings of his predecessors and by simply accepting his own good opinion of them. Rather, the truth-seeker will mistrust his established opinion. He will rely solely on his understanding of the texts by following the criteria of logic rather than the statements of authors who are, after all, human, with the errors and faults with this naturally involves. Whosoever studies works of science must, if he wants to find the truth, transform himself into a critic of everything he reads. He must examine texts and explanations with the greatest precision and question them from all angles and aspects. But he must also observe himself with a critical eye in this process, so that his judgement is neither too strict nor too lax. If he follow this path, the truths will reveal themselves to him and the possible inadequacies and uncertainties in the works of his predecessors will come to the fore.*

Oleh itu seorang ilmuan Islam adalah bertanggungjawab untuk menilai kembali segala apa yang telah dipelajarinya. Lebih-lebih lagi ilmu yang telah dicemari dengan fahaman sekularisme perlu diperbetulkan supaya bertepatan dengan konsep ilmu dalam Islam.

Harus juga diingat bahawa proses mendalami ilmu itu tidaklah terhenti setelah tamatnya pengajian di universiti. Sebaliknya ia haruslah dibudayakan di dalam kehidupan seorang ilmuan. Pembelajaran adalah suatu proses yang sepatutnya berlaku sepanjang hayat dan hanya kematian sahaja yang akan menjadi noktahnya.

## **Tanggungjawab Ilmuan Islam Terhadap Perkembangan Ilmu**

Seorang ilmuan adalah seorang yang telah dianugerahkan ilmu kepadanya oleh Allah. Seperti juga pemberian Allah yang lain ilmu juga merupakan suatu amanah yang wajib disempurnakan segala hak-haknya. Bagi seorang ulama adalah jelas bahawa kewajibannya ialah menyampaikan ilmunya kepada masyarakat dan membimbing masyarakat ke jalan yang benar.

Walaubagaimanapun kewajipan bagi seorang yang pakar dalam bidang ilmu duniawi sering dilihat dari perspektif yang sempit. Kepakaran di dalam bidang sains, perubatan, kejuruteraan, ekonomi dan lain-lain bidang seumpamanya adalah merupakan fardhu kifayah. Dengan menguasai bidang-bidang ini akan membolehkan cerdik-pandai Islam membangunkan sebuah negara tanpa mengharapkan bantuan daripada orang bukan Islam. Inilah sebab yang sering dikemukakan untuk merasionalkan bahawa ilmu-ilmu tersebut merupakan fardhu kifayah. Namun apa yang sering dilupakan adalah aspek pengislaman ilmu-ilmu itu. Telah diketahui bahawa ilmu-ilmu yang datang dari Barat telah mengalami proses sekularisasi yang mengasingkan nilai-nilai agama daripada ilmu. Maka kewajipan untuk membersihkan kembali ilmu-ilmu itu daripada pencemaran sekularisme terletak di atas bahu ilmuan Islam kerana tidak ada orang lain melainkan hanya ilmuan sahaja yang mampu untuk melakukannya. Penyelidikan yang mendalam perlu dilakukan untuk membolehkan proses pengislaman menyeluruh dijalankan. Konsep penyelidikan juga tidak harus disempitkan kepada kajian yang bersifat material sahaja, malahan penyelidikan juga bermaksud mengkaji falsafah serta sejarah perkembangan sesuatu ilmu. Dengan cara ini maka ilmuan Islam dapat menangkis segala idea-idea yang dibawa oleh fahaman sekularisme. Haruslah diingat bahawa bahaya sekularisme ini boleh sampai kepada tahap yang boleh merosakkan akidah. Sebagai contohnya Darwinisme adalah fahaman yang menolak kewujudan Tuhan sebagai pencipta segala hidupan di atas muka bumi ini. Oleh itu sekularisme adalah suatu kemungkaran yang wajib dicegah. Seorang yang berada di dalam kelompok yang diselubungi kemungkaran wajib mencegah kemungkaran itu sekiranya dia mampu untuk berbuat demikian.

Oleh itu menurut Dr Abdul Rahman Abdullah di dalam bukunya *Wacana Falsafah Ilmu*, seseorang ilmuan yang terlibat di dalam ilmu yang telah dicemari dengan sekularisme sebagai profesionnya harus melakukan langkah-langkah berikut:

- i. Berusaha mendekatkan diri dengan gerakan Islamisasi ilmu yang telah sedia ada.

- ii. Berusaha melakukan sendiri proses Islamisasi ilmu tersebut jika belum terdapat kajian mengenainya.

## **Kesimpulan**

Setiap ilmuan Islam adalah bertanggungjawab dalam proses pembaharuan ilmu untuk menjadikannya selaras dengan konsep ilmu yang dituntut oleh Islam. Usaha ini perlu dilakukan secara kolektif. Ertinya haruslah ada satu kumpulan ilmuan Islam yang akan menggembeling tenaga dan bekerjasama dalam proses islamisasi ilmu ini. Mereka juga harus melakukan usaha untuk menimbulkan kesedaran kepada semua ilmuan Islam tentang pentingnya islamisasi ilmu ini. Usaha ini harus dilakukan dengan hati yang ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran dalam bentuk material kerana ganjaran bagi suatu usaha yang murni akan dibalas oleh Allah di akhirat.

## **Rujukan**

- Abdul Rahman Abdullah. (2003). *Menjadi intelektual*. Bentong: PTS Publications.
- Abdul Rahman Abdullah. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu - Analisis Konsep-konsep Asas Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Pub. & Dist. Sdn. Bhd.
- Mohd. Yusof Hj. Othman et al. (1992). *Siri wacana sejarah dan falsafah sains jilid 1*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

---

ZAINAL KIFLI ABDUL RAZAK, Fakulti Sains Gunaan, Universiti  
Teknolog MARA Pahang. zainalkifli@pahang.uitm.edu.my